

# Air Sungai Galing berbahaya

Sungai tercemar pada tahap ketiga, berubah warna dan berbau busuk

■ NURUL ZAILA MOHAD TAHIR

**KUANTAN** – Rungutan orang awam berhubung air Sungai Galing yang tercemar dan mengeluarkan bau busuk berasap apabila sungai berkenaan dikategorikan air sungai berbahaya untuk diminum atau mandi berdasarkan Indeks Kualiti Air (IKA) atau hasil kajian yang dijalankan bulan lepas.

Adun Teruntum, Sim Chon Siang berkata, masyarakat tidak putus merungut tentang pencemaran dan bau busuk dari sungai berkenaan serta airnya juga kelihatan hitam pekat.

“Masalah ini bukan perkara baharu dan semua sudah sedia maklum sungai ini bukan sahaja tidak bersih tetapi baunya juga amat busuk.

“Kita berharap pihak berwajib sentiasa memandang serius perkara ini dan sentiasa memastikan kualiti air sungai terjaga,” katanya kepada pemberita selepas membuat tinjauan bersama Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuantan,



Sumiliana (dua, kanan) memberi penjelasan mengenai tahap kualiti air Sungai Galing kepada Chon Siang. Gambar kanan: Sungai Galing yang tercemar.

Sumiliana Sulung, di tebing Sungai berkenaan.

Sementara itu, Sumiliana berkata, pihaknya berusaha menjalankan tanggungjawab dengan sebaik mungkin dan masalah pencemaran Sungai Galing berterusan akibat si-

kap masyarakat sendiri.

“Pelbagai sebab dan punca yang menyebabkan Sungai Galing tercemar terutama pembuangan sisa industri termasuk pusat sembelihan haiwan, bengkel kereta dan pelepasan sisa-sisa kumbahan yang tidak terkawal.



“Tahap kesedaran masyarakat untuk sama-sama menjaga kebersihan sungai menyedihkan walaupun pelbagai kempen dijalankan.

“Dari segi kawalan kualiti air sungai, kita memang menjalankan pelbagai kaedah rawatan dan pemantau-

an secara berterusan,” katanya.

Katanya, bukan sahaja rawatan berterusan tetapi kualiti air juga diperiksa setiap bulan dan pada bulan Februari sungai ini berada pada tahap ketiga, manakala untuk pengelasan terbaharu keputusan belum diperoleh.